

Pansar komited terhadap kelestarian alam, tanam 503 pokok di UPMKB

© Ogos 29, 2026, Sabtu - 6:00pm



Warga kerja dan ahli keluarga Pansar Berhad yang menjalankan aktiviti menanam pokok asli Borneo di UPMKS hari ini.

BINTULU: Bagi meneruskan usaha pemeliharaan serta pemuliharaan hutan di bahagian ini, Pansar Berhad meneruskan komitmennya terhadap kelestarian alam sekitar dengan melakukan aktiviti penanaman 503 pokok asli Borneo yang diadakan di Universiti Putra Malaysia Kampus Sarawak (UPMS) di sini, hari ini.

Program penanaman pokok itu adalah sempena Hari Keluarga Pansar Bintulu 2026 di UPMKS selama tiga hari dua malam bermula hari ini hingga 31 Ogos.

Program itu menghimpunkan seramai 120 peserta terdiri daripada kakitangan Pansar yang terdiri daripada warga kerja dari ibu pejabat serta cawangan Sibu, Miri, Kuching dan Bintulu.

Selain mengeratkan hubungan antara warga kerja dari pelbagai wilayah, inisiatif penanaman pokok itu antara lain bertujuan meningkatkan biodiversiti tempatan termasuk memulihkan ekosistem hutan hujan tropika.

Dalam pada itu, program ini juga bagi memupuk kesedaran serta tanggungjawab terhadap alam sekitar dalam kalangan penggiat industri, perniagaan dan juga korporat di sini.

UPMKS dipilih sebagai lokasi penanaman berikutan kepakarannya dalam bidang pertanian dan perhutanan, sekali gus membolehkan pokok yang ditanam mendapat manfaat daripada pengurusan tanah berasaskan penyelidikan serta penjagaan jangka panjang.

Daripada jumlah itu, antara 500 ditanam merupakan spesis pokok engkabang dan belian yang merupakan antara spesies kayu keras asli di Borneo.

Pokok engkabang terkenal dengan bijinya untuk menghasilkan minyak, selain berperanan membantu menstabilkan tanah, khususnya di kawasan berhampiran sungai.

Ketua Pegawai Operasi Pansar David Tai berkata, kelestarian alam sekitar perlu diterjemahkan melalui tindakan dan tanggungjawab secara langsung.

“Pemilihan UPMKS membolehkan pokok spesies terlindung ini ditanam dalam persekitaran yang sesuai serta mendapat sokongan kepakaran dalam bidang perhutanan bagi memastikan usaha ini memberikan manfaat ekologi untuk jangka masa panjang.

“Dengan membeli dan menanam 503 pokok asli ini, Pansar berbangga dapat menyumbang secara langsung kepada pemeliharaan alam sekitar Sarawak, di samping mengeratkan hubungan antara kakitangan dan keluarga,” ujarinya lagi.

🔗 oleh Ambrose Rirang

Kategori Sarawak